

# PROGRAM OUTREACH PU GONG KEDAK DAN KEBUN DAPUR 2.0 2018 BERSAMA KOMUNITI PDM BUKIT PUTERI

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3382-program-outreach-pu-gong-kedak-dan-kebun-dapur-2-0-2018-bersama-komuniti-pdm-bukit-puteri](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3382-program-outreach-pu-gong-kedak-dan-kebun-dapur-2-0-2018-bersama-komuniti-pdm-bukit-puteri)

GONG KEDAK, 19 Apr 18 - Program Outreach Pu Gong Kedak dan Kebun Dapur 2.0 2018 Bersama Komuniti PDM Bukit Puteri telah diadakan di Dewan Terbuka Kampung Tok Has, Jerneh Terengganu. Pengisian Program “Tanam Yang Kita Makan, Makan Yang Kita Tanam, Lebih Sedekah Atau Jual” melibatkan 50 buah keluarga angkat iaitu 6 JKKK dalam PDM Bukit Puteri J3K Tok Has, J3K Lay Out Tok Has, J3K Pusu Tinggi, J3K, Pengkalan Sentol, J3K Dengir dan J3K Bukit Puteri Dalam. Seramai 400 anggota warga Pangkalan Udara Gong Kedak telah terlibat pada program pada kali ini. Program ini dimulakan dengan ucapan dari Pengerusi JKKK Tok Has, Tuan Hj Mohd Zain bin Abas serta ucapan daripada Komander Pangkalan PU Gong Kedak, Brig Jen Dato’ Suhaimi bin Husaain TUDM. Perasmian pada Program Kebun Dapur 2.0 2018 bersama Komuniti PDM Bukit Puteri telah dirasmikan oleh Pengerusi Penyelaras Dun Kuala Besut, YM Tengku Zaihan bin Che Ku Abd Rahman. Seterusnya penyerahan anak angkat yang terdiri daripada 8 anggota bagi satu keluarga membantu membuat “Kebun Dapur” didalam kediaman keluarga angkat.

Program ini merupakan inisiatif National Blue Ocean Strategy ( NBOS) dalam usaha untuk membina hubungan akrab Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan masyarakat setempat. Ianya, merupakan satu program yang julung-julung kalinya diadakan oleh Angkatan Tentera Malaysia bersama komuniti setempat, dimana program ini telah mendapat sokongan padu daripada Pusat Khidmat Masyarakat Dun Kuala Besut, Pejabat Perlimen Besut, Jabatan Pertanian Daerah Besut, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan persatuan Nelayan Kuala Besut. Matlamat utama program ini ialah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat agar mengenali tugas dan kepakaran anggota tentera serta memberi ruang kepada masyarakat untuk beramah mesra, mengeratkan dan mengenali dengan lebih rapat keanggotaan ATM turutamanya Tentera Udara



DiRaja Malaysia (TUDM) yang merupakan matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat penyayang, prihatin dan saling membantu.

Program ini diakhiri dengan ucapan daripada Komander Pangkalan dan seterusnya Ucapan Penutup Program Kebun Dapur 2.0 2018 bersama Komuniti PDM Bukit Puteri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Idris bin Jusoh serta penyampaian sijil kepada 50 keluarga angkat. Sebagai simbolik Penutup Program Kebun Dapur 2.0 2018 ini, YB menteri Pendidikan telah meletakkan plug pada binaan yang dibuat bagi program tersebut.



